



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SK (A) Majlis Islam Sarawak Bintulu
Pejabat Pendidikan Daerah Bintulu
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
Jalan Tanjung Kidurong
97000 Bintulu Sarawak

Tel : 086-254754
Faks : 086-255010
E-mel Sekolah : yca9101@moe.edu.my

Ruj Kami : JPS(W)/SKAgB(Kur)/153/06/02/03/()
Tarikh : 24 November 2017 / 5 Rabiulawal 1439H

Semua Ibu Bapa / Penjaga
Pelajar Prasekolah hingga Tahun 6 [Sesi Persekolahan 2018]
SK (A) Majlis Islam Sarawak Bintulu
Daerah Bintulu

Tuan/Puan,

CUTI AKHIR TAHUN PERSEKOLAHAN 2017, HARI PENDAFTARAN DAN MULA SESI PENGGAL PERSEKOLAHAN TAHUN 2018

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sehubungan itu, pihak sekolah ingin memaklumkan bahawa **Cuti Akhir Tahun Persekolahan Tahun 2017, Hari Pendaftaran Sesi Persekolahan 2018 dan Mula Sesi Penggal Persekolahan 2018** adalah seperti pada jadual di bawah ini :-

CUTI AKHIR TAHUN PERSEKOLAHAN 2017	HARI PENDAFTARAN PERSEKOLAHAN UNTUK PELAJAR PRASEKOLAH, TAHUN 1, 2, 3, 4, 5 & 6 TAHUN 2018	MULA PENGGAL PERSEKOLAHAN SESI 2018
25.11. 2017 – 01.01.2018	01. 01. 2018 [ISNIN] Masa : 0800 – 10.00 pagi [Pelajar Prasekolah, Tahun 1, 2, 3, 4, 5 & 6 - Hadir Ke Sekolah]	02. 01. 2018 [SELASA] [HARI PERTAMA PERSEKOLAHAN]

3. Mohon perhatian dan tindakan tuan/puan mengenai perkara-perkara seperti berikut :

- 3.1 Penyerahan Sumbangan Keperluan Murid [sila rujuk lampiran], adalah pada **01. 01. 2018 [ISNIN]** jam 0800 pagi – 10.00 pagi di dalam kelas masing-masing;
- 3.2 Anak-anak dikehendaki menggunakan Pakaian Biasa sahaja apabila datang ke sekolah pada **01. 01. 2018 [ISNIN]**;
- 3.3 Mohon kerjasama tuan/puan agar dapat meletakkan kenderaan di kawasan Masjid Assyakirin untuk mengelakkan kesesakan lalulintas; dan

"MENJULANG PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK"
"FLY KENYALANG FLY, FLY HIGH"



3.4 Pelajar-Pelajar Tahun 6 [2018] diminta untuk menyediakan 2 keping Gambar berukuran Passport untuk kegunaan Pendaftaran UPSR 2018 dan serahkan gambar tersebut kepada Guru Kelas pada Hari Pendaftaran [01. 01. 2018 – ISNIN].

4. Segala jasa baik, kerjasama, sokongan dan keprihatinan tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**` BERKHIDMAT UNTUK NEGARA `
` BERILMU BERAMAL BERBAKTI `**

Saya yang menurut perintah,

(FAUZIAH BINTI JUMAT)
Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
SK (A) Majlis Islam Sarawak Bintulu
Daerah Bintulu

ABR/abr241117

**"MENJULANG PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK"
"FLY KENYALANG FLY, FLY HIGH"**

